



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

OPS BANTERAS PERANGI ISU BURUH PAKSA DAN PEMERDAGANGAN ORANG

Kuala Lumpur, 17 Mac 2022, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bersama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada hari ini telah melaksanakan Operasi Banteras atau 'Ops Banteras' mega yang dilakukan secara serentak di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan pada tarikh dan hari yang sama.

Ops Banteras yang diketuai sendiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JTKSM iaitu YBrs. Tuan Haji Mohd. Asri bin Abd. Wahab, juga turut melibatkan beberapa jabatan dan agensi penguatkuasa lain dan ini termasuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Kekuatan anggota pegawai keseluruhan untuk Ops Banteras di dua (2) lokasi pada hari ini berjumlah 57 orang pegawai.



Ops Banteras ini melibatkan sektor pembinaan yang diserbu seawal jam 6.00 pagi dan juga sektor peruncitan pada jam 9.30 pagi di sekitar Kuala Lumpur iaitu Wangsa Maju dan juga Bandar Tun Razak. Kedua-dua lokasi ini melibatkan sejumlah 134 pekerja dengan komposisi seramai 104 pekerja asing di kawasan pembinaan manakala 30 orang pekerja di sektor peruncitan dengan kapasiti 20 pekerja asing dan 10 pekerja tempatan.

Ops Banteras ini merupakan ops yang memfokus kepada peamtuhan terhadap akta-akta yang dikuatkuasakan oleh JTK dan juga melibatkan agensi penguatkuasa yang lain. Ini termasuklah Akta Kerja 1955, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019 [Akta 446] dan Akta ATIPSOM 2007 serta beberapa akta mengikut agensi yang terlibat. Intipati utama ops banteras pada hari ini melibatkan isu buruh paksa dan juga pemerdagangan orang.

Sepanjang operasi dilaksanakan, pihak JTK mengesan beberapa kesalahan dilakukan oleh majikan-majikan di bawah Akta Kerja 1955 iaitu tidak melaporkan pengambilan kerja pekerja asing. Selain itu, kedua-dua premis ini juga gagal membuat sebarang permohonan untuk mendapatkan Perakuan Penginapan dan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 24D Akta 446 kerana tiada perakuan penginapan sedangkan jumlah pekerja asing yang digajikan adalah dalam kapasiti yang ramai dan penginapan yang disediakan adalah tidak kondusif untuk didiami oleh manusia.



JTK Kuala Lumpur dijangkakan akan membuka sebanyak 5 Kertas Siasatan atau lebih untuk kedua-dua premis tersebut. Untuk rekod, Kertas Siasatan bagi penguatkuasaan Akta 446 yang dilaksanakan sejak 1 Februari 2021 sehingga 15 Mac 2022 adalah sebanyak 1,285. 135 daripadanya telah mendapat izin dakwa dengan jumlah denda sebanyak RM1,007,000. Manakala sebanyak 908 Kertas Siasatan telah mendapat izin kompaun dengan tawaran kompaun sebanyak RM10,537,000.

Selain itu, agensi-agensi lain yang terlibat dalam ops banteras ini juga turut mengesan beberapa kesalahan pemilik premis berdasarkan fungsi agensi mereka. Ini termasuklah di bawah JIM yang membuat tangkapan ke atas seramai 13 orang pekerja sektor pembinaan di bawah kesalahan Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada dokumen perjalanan yang sah. Kesalahan-kesalahan yang dikesan ini akan diambil tindakan selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasa Jabatan dan Agensi masing-masing.

JTKSM akan terus melaksanakan penguatkuasaan akta-akta di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan secara ops banteras mahupun melalui pemeriksaan berkanun bagi memastikan keharmonian industri perburuhan berterusan. Di samping itu, ops banteras seumpama ini akan diteruskan sebagai langkah membendung dan membanteras kegiatan buruh paksa dan pemerdagangan orang sebelum ia menjadi barah. Ini ekoran daripada liputan meluas media luar negara yang menyatakan negara kita terlibat dalam isu buruh paksa.

JTKSM juga akan memastikan semua majikan tidak kira dalam apa juga sektor akan terus patuh kepada semua akta yang kita kuatkuasakan tanpa sebarang kompromi demi kepentingan bersama dan juga kelestarian perkembangan guna tenaga kerja negara.